

22/01/1999

4,000 kunjungi rumah terbuka MB

PORT DICKSON, Khamis - Kira-kira 4,000 penduduk negeri ini, terutama sekitar daerah ini mengunjungi rumah terbuka Aidilfitri Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad di Kampung Baru Si Rusa di sini, hari ini.

Majlis selama tiga jam yang bermula jam 10 pagi menyebabkan kesesakan lalu lintas di Jalan Si Rusa apabila pengunjung meletakkan kenderaan masing-masing di tepi jalan.

Mohd Isa ketika diminta mengulas kehadiran pengunjung tahun ini menyifatkan bilangan yang datang berlipat kali ganda berbanding tahun sebelum ini.

"Nampaknya penduduk negeri ini daripada semua kaum bertambah ramai datang ke majlis rumah terbuka," katanya.

Antara yang hadir ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Khalid Yunus, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri serta pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN).

Orang ramai juga beratur panjang untuk bersalam dengan Mohd Isa dan Puan Sri Hazizah Tumin.

Pada hari pertama Aidilfitri Mohd Isa mengadakan majlis rumah terbuka di kediaman rasminya di Jalan Tasik di Seremban yang turut dikunjungi ramai penduduk negeri ini.

Sementara itu Mohd Isa ketika mengulas kehadiran kira-kira 40,000 orang di majlis rumah terbuka Aidilfitri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Seri Perdana, berkata sambutan rakyat sungguh luar biasa.

"Ini membuktikan keyakinan dan kepercayaan rakyat terhadap Perdana Menteri dan BN.

"Kehadiran begitu ramai pengunjung juga adalah petanda baik kepada BN untuk menghadapi pilihan raya akan datang yang boleh diadakan pada bila-bila masa hingga April 2000," katanya.

Mohd Isa berkata, ini bertentangan dengan tohmahan media asing dan segelintir pihak dalam negara yang mendakwa kerajaan BN tidak lagi mendapat sokongan rakyat.

Katanya, ini akan men-dorong BN untuk bekerja lebih keras untuk mencapai kejayaan dalam pilihan raya akan datang.

(END)